

30/08/2003

Dunia Malik tidak sama lagi

Zairee Zahir

SELEPAS saban hari menempuh rutin yang sama sejak empat tahun lalu, perenang maraton negara, Datuk Abdul Malik Mydin kini berdepan cara hidup yang agak berbeza, lebih-lebih lagi selepas dia dianggap `role model' kepada generasi muda negara.

Kalau hidupnya empat tahun sebelum ini hanya bertumpu kepada latihan, rehat dan latihan lagi di sebelah petang untuk mengisi kekuatan fizikal dan mental bagi mengharungi Selat Inggeris, titik hidup Abdul Malik mula berubah sebaik kepulangannya dari Dover, 8 Ogos lalu.

Dengan status sebagai perenang pertama Malaysia dan Asia Tenggara yang dapat berenang merentasi selat paling mencabar itu, ada banyak pengajaran yang mahu dikongsi bersama oleh Abdul Malik, lebih-lebih lagi kepada golongan remaja yang sedang mencari-cari kekuatan dan identiti mereka sebagai warga Malaysia yang dinamik.

Kerana itulah Abdul Malik memilih ceramah umum berunsur motivasi sebagai pentas baru baginya agar dapat berkongsi pengalaman pahit dan manis yang dilalui sejak bergelar perenang maraton, empat tahun lalu hinggalah ketika meraih kejayaan membanggakan merentasi Selat Inggeris - selat yang mempunyai suhu air dingin, arus dua lautan yang kuat, ombak yang tinggi serta tiupan angin yang kencang.

Tanpa pelajaran akademik tinggi atau latar belakang sebagai peminat, apatah lagi ketika berada di depan ribuan hadirin, bekas pelumba basikal kebangsaan itu sedar dia memerlukan penampilan dan tutur kata yang sesuai tetapi berkesan supaya segala pengalamannya dapat dihayati dan dikongsi oleh kumpulan sasarannya yang datang daripada kategori umur dan latar belakang berbeza - dari pelajar sekolah rendah dan menengah hinggalah kepada penuntut institusi pengajian tinggi.

Selepas berehat dua minggu menghilangkan penat lelahnya berenang di Selat Inggeris, Abdul Malik yang disambut sebagai Wira Negara oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), bertungkus lumus pula mengumpul maklumat dan `power-point' penting sebagai persediaan menjadi penceramah motivasi.

Di sebuah pejabat yang pernah dijadikan Sekretariat Cabaran Selat Inggeris di Sungei Besi, ia kini menjadi pejabat baru untuk melengkapkan dirinya sebagai penceramah.

Selain sibuk meneliti diari latihan serta pelbagai perkara penting berkaitan persiapannya menjadi perenang maraton dulu, Abdul Malik juga meneliti keratan akhbar yang ada kaitan dengan dirinya untuk `menyegarkan' semula ingatannya.

"Ini adalah satu bidang yang baru bagi saya tetapi kerana mahu generasi muda dapat menghayati perjuangan saya sebagai atlit dan berkongsi susah senang saya ketika itu, saya terpaksa `belajar' lagi. Tiada alat yang paling penting kecuali penggunaan bahasa yang paling mudah tetapi berkesan.

"Sebab itulah, saya juga menjadi sibuk sejak akhir-akhir ini kerana selain terpaksa memenuhi undangan pihak tertentu di seluruh negara, saya juga terpaksa menghabiskan masa di dalam pejabat untuk mengumpul dan mengolah `point' ucapan saya agar ia dapat difahami dan dihayati.

"Saya juga mendapat bantuan dan nasihat beberapa rakan-rakan supaya setiap apa yang saya katakan, dapat menarik perhatian pendengar terutama generasi muda negara ini yang semakin terdedah kepada pelbagai gejala

negatif. Jika mesej yang saya sampaikan dapat mengubah 5 peratus daripada generasi muda kepada gaya hidup yang sihat, saya tetap bersyukur.

"Tetapi itulah hakikatnya. Kalau dulu kehidupan saya rutin dengan latihan, rehat dan latihan di kawasan tepi pantai dan kolam renang sambil memberi tumpuan khusus terhadap pemakanan, kini pula saya sibuk di pejabat. Jika ada masa lapang, saya lebih banyak berehat saja," katanya yang menerima Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) dan membawa gelaran Datuk daripada Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas, semalam.

Menurut Abdul Malik, pengalaman pertama berdepan dengan hampir 1,000 penuntut Tingkatan 5 di seluruh Kedah di Alor Setar dua minggu lalu, banyak memberi panduan dan gambaran kepadanya untuk bersedia menjadi penceramah motivasi.

Dia mengakui berasa agak gemuruh dan tertanya-tanya apa yang perlu disampaikan.

"Ketika itu saya hanya diminta menceritakan persiapan dan detik saya ketika berenang. Alhamdulillah, ia berjalan lancar. Tetapi saya amat berharap hadirin mendapat iltizam daripada apa yang saya ucapkan. Sesuatu yang tampak mustahil itu, boleh menjadi kenyataan jika ia disertai usaha keras, perancangan teratur, latihan sistematik dan yang penting, mendapat